

UNTUK BUKAN ISLAM SAHAJA

SIAPAKAH BUDDHA ?

(MALAY)



Oleh: Bhante Sri Pandit P. Pamaratana Nayaka Thero
Penterjemah: Hong Tai Fook

Publication of the



Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society

佛陀教义弘扬协会

Buddhist Maha Vihara,
123, Jalan Berhala, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570
E-Mail: info@buddhistmahavihara.com
Website: www.buddhistmahavihara.com
www.ksridhammananda.com

Published for Free Distribution
Permission to reprint for free distribution can be
obtained upon request.

Previous Publication – 6,000 copies
July 2011 – 1,000 copies

*Persatuan menghargai usaha penterjemah, saudara **Hong Tai Fook** dan penyunting, saudara **K Don Premaseri** untuk terbitan ini.*

Printed by Uniprints Marketing Sdn. Bhd. (493024-K)
(A member of Multimedia Printing & Graphics (M) Sdn Bhd)

ISBN: 983-2515-62-9

KATA PENGHANTAR

Sudah tiba masanya, pendakwah Buddha menggunakan kaedah yang sistematik dan teratur bagi tujuan menjalankan usaha dakwahnya. Kami berharap gerakan-gerakan dakwah dilakukan dengan secara tersusun dalam usaha mewujudkan tenaga pendakwah dan pasukan sukarelawan Buddha yang benar-benar komited untuk berdakwah dan menyumbang kepada kesejahteraan manusia secara menyeluruh.

Dalam aspek ini kurikulum yang kemas kini amat perlu digubal dalam usaha melahirkan bentuk latihan yang teratur, praktikal dan bersesuaian.

Jelas sekali, usaha berdakwah di antara golongan penganut Buddha kini sudah tidak boleh dilakukan secara sambilan. Keseriusan pendakwah dalam menjalankan kegiatan dakwah sangat perlu kerana tanpanya tidak banyak aktiviti dakwah boleh dilakukan. Keberkesanannya pula, hanya bersifat minimum.

Lihat sahaja apa yang berlaku ketika dunia dikejutkan dengan peristiwa ombak besar Tsunami yang melanda Sri Lanka dan lain-lain negara di Asia. Kita boleh lihat betapa gerakan dakwah bukan Buddha begitu aktif membantu mangsa ombak besar ini. Hendaknya kita mencontohi sikap mereka.

**Ahli Jawatankuasa Persatuan Sasana Abhiwurdhi Wardhana
April, 2005**

PENGENALAN

*Namo Tassa Bhagavato Arahato Samma
Sambuddhassa*

Terpujilah Bhagava. Yang Telah Menamatkan Kitaran Kewujudannya, Yang Telah Mencapai Pencerahan Sempurna.

*"Iti Pi So Bhagava Araham Samma
Sambuddho Vija Carana Sampanno
Sugato Lokavidu Anuttaro Purisa
Damma Sarathi Sattha Deva
Manussanam Buddho Bhagavati"*

Penghormatan Kepada Buddha:

Demikianlah, Bhagava, Yang telah menamatkan Kewujudannya, Yang telah mencapai pencerahan sempurna, Sempurna pengetahuan dan tindak-tanduknya, Sempurna Menempuh jalan (Ke Nibbana), Pengenal segenap alam, Pembimbing yang tidak ada tandingnya, Guru para dewa dan manusia, Yang telah mencapai pencerahan sempurna tanpa pertolongan lain, yang wajar dihormati.

Nava Guna Gatha
Sembilan Kemuliaan Buddha

i. *Araham Arahoti Namena*

*Araham Papam Nakaraye
Arahatta Phalam Patto
Araham Nama Te Namō.*

Beliau dinamakan Arahant kerana kemuliaannya,
Beliau tidak melakukan kejahatan walaupun secara
tersembunyi,
Beliau telah mencapai tahap Arahant,
Kepada Beliau yang merupakan Arahant yang
mulia, saya memberi penghormatan.

- ii. *Samma Sambuddha Namena
Samma Sambuddha Desana
Samma Sambuddha Lokasmim
Samma Sambuddha Te Namō.*

Beliau dinamakan Samma Sambuddha
Ajaran Samma Sambuddha dimaklumkan kepada
umum,
Beliau ialah Buddha yang Maha sempurna,
Kepada Beliau yang Maha sempurna, saya
memberi penghormatan.

- iii. *Vijja Carana Sampanno
Tassa Vijja Pakasita
Atita Naga Tuppanno
Vijja Carana Te Namō.*

Pengetahuan dan tindak – tandukNya sempurna,
Pengetahuannya diiktiraf umum

Beliau mengetahui kejadian masa lampau dan yang akan datang
Kepada Beliau, yang serba mengetahui dan mempunyai tindak-tanduk sempurna, saya memberi penghormatan.

- iv. *Sugato Sugatatanam*
Sugato Sundaram Pi Ca
Nibbanam Sugatim Yanti
Sugato Nama Te Namō.

Beliau Sugata yang telah mendisiplinkan diri,
Beliau Sugata yang sentiasa berbuat baik,
Beliau telah melangkah ke tahap sempurna –
Nibbana
Kepada Beliau yang telah mendisiplinkan diri,
saya memberi penghormatan

- v. *Lokaviduti Namena*
Atita Nagate Vidu
Sankharasatta Mokase
Lokavidu Nama Te Namō.

Gelaran Beliau Lokavidu
Beliau Maha Mengetahui-kejadian masa lampau dan yang akan datang
Beliau dapat mengamati semua situasi, insan dan ruang angkasa,
Kepada Beliau, pengenal segenap alam, saya memberi penghormatan.

- vi. *Anuttaro Nana Silena*
Yo Lokassa Anuttaro
Anuttaro Puja Lokasmin
Tam Namassami Anuttaro.

Pengetahuan dan Kesusilaan Beliau tiada
tandingan,
Tiada sesiapa yang mampu menandingi Beliau
di dunia ini,
Di dalam dunia ini, Beliau dihormati sebagai
yang tiada tandingan,
Kepada Beliau yang tiada tandingan, saya
memberi penghormatan.

- vii. *Sarathi Sarathi Deva*
Yo Lokassa Sarathi
Sarathi Puja Lokasmim
Tam Namassami Sarathi.

Sebagai pembimbing, Beliau pembimbing kepada
semua dewa,
Beliau pembimbing kepada seluruh dunia
Beliau pembimbing dunia yang wajar dihormati,
Kepada pembimbing yang tiada tara ini, saya
memberi penghormatan.

- viii. *Deva Yakkha Manussanam*
Loke Agga Phalam Dadam
Dadantam Damayantanam
Purisa Janna Te Namō.

Kepada Dewa, Yakkha dan manusia,
Beliau menawarkan hadiah yang tertinggi
Beliau adalah Penakluk yang sejati,
Kepada penyedar seluruh alam semula jadi ini,
saya memberi penghormatan.

- ix. *Bhagava Bhagava Yutto*
Bhaggam Kilesa Vahato
Bhaggam Samsara Muttaro
Bhagava Nama Te Namō

Bhagava penuh dengan berkat
Beliau telah menghapuskan segala hawa nafsu
Beliau telah mengharungi lautan Samsara
Kepada Bhagava, saya memberi
penghormatan.



SIAPAKAH BUDDHA?

Ramai orang di dalam dunia ini, termasuk juga sesetengah pengikut ajaran Buddha tidak mengenali siapa Buddha. Persoalan ini bukan sahaja dipersoalkan pada masa kini, tetapi sudah dipersoalkan pada zaman Buddha lagi, iaitu pada abad ke – 6 Sebelum Masehi,

apabila ramai orang mempunyai pandangan yang berbeza terhadap riwayat hidup Buddha.

Sesetengah orang mengatakan Buddha ialah tuhan. Malahan penganut Hindu menghormati Beliau sebagai penjelmaan tuhan mereka, iaitu Vishnu. Para rasionalis menghormati Beliau sebagai pemikir bebas (free thinker) yang mulia, sosialis pula menganggap Beliau sebagai reformis (pembawa perubahan) sosial manakala sesetengah yang lain pula menganggap Beliau sebagai manusia biasa.

Walaupun Buddha telah dilahirkan sebagai manusia tetapi beliau bukan seorang manusia biasa. Sebaliknya Beliau ialah manusia istimewa. Beliau mempunyai ciri-ciri kesempurnaan sebelum pencerahanNya juga, bagaikan bunga mekar menyelubungi dunia. Dengan pencapaian perkembangan rohani, Beliau juga digelar '*Acchariya Manussa*' iaitu manusia yang istimewa. Di samping mempunyai rohani yang mulia, Beliau dilahirkan dengan tubuh fizikal yang mempunyai 32 ciri-ciri istimewa dan tanda – tanda unik yang lain.

'BRAHMIN'

Pada zaman Buddha, seorang Brahmin bertembung dengan Buddha tetapi tidak dapat mengenali Beliau. Kemudiannya, dia mendekati Buddha lalu bertanya dengan penuh hormat,

“Tuan, siapakah kamu?”

Buddha tidak memberi sebarang jawapan.

“Adakah Tuan seorang Dewa (Tuhan)?”

“Bukan Brahmin, saya sebenarnya bukan seorang Dewa.”

“Kalau demikian, adakah tuan Gandhabba (Pemuzik Kayangan)?”

“Bukan, saya bukan Gandhabba.”

“Saya tidak faham, adakah tuan Yakkha (Dewa yang Bengis).”

“Bukan, Brahmin, saya bukan Yakkha.”

“Kalau begitu, adakah Tuan manusia biasa?”

“Bukan, saya bukan manusia biasa.”

“Kalau begitu, sila beritahu saya Tuan siapa sebenarnya?”

“O, Brahmin, saya ialah Buddha – Yang telah sedar, Yang Telah Mencapai Pencerahan Sempurna.”

‘SAYA BUDDHA’

Untuk mengenali Buddha dengan lebih jelas, suatu stanza menarik yang diucapkan oleh Buddha sendiri pada suatu ketika yang lalu diulangi di sini:

*‘ABHINNEYYAM ABHINNATAM,
BHAVETABBAN CA BHAVITAM
PAHATABBAM PAHINAM ME
TASMA BUDDHOSMI BRAHMANA’*

“Yang harus difahami telah pun difahami dengan sepenuhnya,

Yang harus diperkembangkan telah diperkembangkan dengan sepenuhnya,
Yang harus dihapuskan telah dihapuskan dengan sepenuhnya,
Oleh itu, Brahmin, sayalah Buddha.”

Di sini, Buddha telah memahami kebenaran Mulia Pertama, iaitu kebenaran mulia tentang sifat semula jadi *Dukkha* – Penderitaan atau ketidakpuasan hidup. Kedua, Buddha telah mengembangkan Jalan Mulia Lapan Faktor yang membimbing kepada tamatnya penderitaan. Ketiga, Beliau telah hapuskan punca penderitaan iaitu tiga ketagihan berikut:

- i. Ketagihan kepada semua nafsu deria (*KAMA TANHA*)
- ii. Ketagihan kepada kewujudan semula (*BHAVA TANHA*)
- iii. Ketagihan kepada ketidakpercayaan tentang kewujudan semula (*VIBHAVA TANHA*)

Setelah menghapuskan semua ketagihan, Buddha mencapai tahap “penamatan segala ketagihan” (*TANHAKKHAYA*) - yang dikenali sebagai *Nibbana*.

BUDDHA DAN SAMMASAMBUDDHA

Apa perbezaan di antara Buddha dan Sammasambuddha? ‘Buddha’ ialah gelaran biasa bagi semua makhluk yang telah mencapai ‘Pencerahan’. Terdapat tiga kategori Buddha, iaitu:

- i. *Samma Sambuddha*
- ii. *Pacceka Buddha*
- iii. *Savaka Buddha*

- i. *Samma Sambuddha*

Samma Sambuddha ialah Buddha yang telah mencapai Pencerahan sempurna dengan usahanya sendiri. 'Sama' bermaksud 'sepenuh, sempurna, atau sebenar'. 'Sam' (*SAMMA*) bermaksud 'dengan usaha sendiri, tanpa bantuan daripada sesiapa atau pun punca luar.' Beliau telah memperolehi pengetahuan sempurna dengan usaha sendiri tanpa sebarang bantuan.

Beliau dikenali sebagai 'Samma Sambuddha' kerana beliau telah menemui, memahami dan menghuraikan *Dhamma* kepada pengikut – pengikut beliau untuk membebaskan mereka daripada lautan *Samsara* iaitu kitar kelahiran dan kematian. Hanya seorang 'Samma Sambuddha' yang akan muncul di dalam dunia pada suatu masa tertentu. Sekiranya dua orang Buddha muncul pada masa yang sama, ketidaksatuan dan ketidakharmonian akan berlaku di antara para pengikut.

- ii. *Pacceka Buddha*

Beliau mencapai Pencerahan Sempurna dengan usahanya sendiri tanpa sebarang bantuan luar.

Beberapa Pacceka Buddha boleh muncul di dunia ini apabila ajaran Samma Sambuddha telah lenyap. Pacceka Buddha biasanya tidak berminat berhubung dengan orang ramai. Beliau lebih berminat hidup bersendirian.

iii. *Savaka Buddha*

Secara literal erti kata 'Savaka' yang sebenarnya ialah 'pendengar'. Seseorang yang berhasrat untuk menjadi Savaka Buddha biasanya menerima tunjuk ajar daripada Samma Sambuddha tentang *Dhamma*. Semua Arahant digelar sebagai Savaka Buddha. Seseorang yang ingin menjadi Savaka Buddha harus mengamalkan ciri-ciri kesempurnaan di dalam beberapa kelahiran. Dengan itu, mereka akan bertambah mulia dan arif. Akan tetapi, mereka mencapai pencerahan dengan bantuan Samma Sambuddha yang akan menunjukkan jalan kebenaran kepada mereka.

BOLEHKAH KITA MENJADI BUDDHA?

Kita semua mempunyai benih 'Bodhisatta Beejas,' iaitu benih untuk mencapai kesempurnaan – yang perlu dipupuk di dalam beberapa Kalpa (satu jangkamasa yang lama) untuk mencapai tahap keBuddhaan. Kita semua berpotensi untuk menjadi Buddha. Tahap keBuddhaan bukan sesuatu yang dikhaskan untuk orang kenamaan atau 'V.I.P' yang terpilih sahaja. Ia

terbuka kepada semua tidak kira kaya atau miskin, yang mulia atau hina.

Sebagai seorang guru, Buddha tidak pernah menyorok sebahagian daripada ajaranNya daripada pengikutnya seperti seorang guru silat." Beliau tidak pernah berkata, "Hanya saya saja yang boleh menjadi Buddha, anda tidak boleh. Yang ditemui dan disedari (saya) telah diajar kepada semua." Beliau menunjukkan kepada dunia cara untuk mengembangkan kuasa luarbiasa batin manusia tanpa bergantung kepada tuhan. Beliau telah meningkatkan status manusia. Namun begitu, untuk mencapai Pencerahan seseorang harus memilih salah satu daripada tiga cara yang tersebut tadi untuk diamalkan iaitu bergantung pada tekad dan keupayaan mentalnya.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda mengetahui siapakah Buddha dan ajaranNya, maka sekurang-kurangnya keyakinan (*Saddha*) anda yang berasaskan kearifan (*Panna*) akan diperkuatkan ke tahap yang tertentu. Tetapi malangnya, apabila mereka yang jahil tentang ajaran Buddha melihat seseorang yang mempunyai sedikit 'kuasa ghaib', mereka akan lebih mempercayai manusia biasa itu lebih daripada Buddha dan terus melupai ajaran Buddha.

Inilah sebabnya seorang pengikut Buddha yang setia pernah berkata, "Apabila saya mengetahui beliau dengan lebih mendalam, saya lebih menyayangiNya. Apabila saya lebih menyayangiNya, saya mengetahuiNya dengan lebih mendalam."



SEMBILAN KUALITI KEMULIAAN BUDDHA

Kualiti kemuliaan yang ada pada Buddha tidak dapat diukur, dikira atau digambarkan oleh seorang manusia biasa. Hanya seorang Buddha yang lain sahaja boleh menjelaskan kualiti kemuliaan yang ada pada seseorang Buddha. Beliau mengambil masa beberapa bulan atau tahun untuk menjelaskan keagungan kualiti yang ada pada seorang Buddha. Buddha mempunyai gabungan nilai - nilai mulia dan kearifan yang tertinggi.

Seseorang tidak sepatutnya mempunyai fahaman yang salah bahawa Buddha hanya mempunyai sembilan kualiti kemuliaan. Sembilan kualiti kemuliaan ini telah diperbincangkan di dalam beberapa *Sutta* dalam teks Pali. Pada zaman Buddha, pengikut yang telah menemui Buddha dan mendengar ajaranNya melafazkan perasaan mereka yang gembira, puas hati dan berterima kasih dan memuji *Tiratana* (Tiga Pelindung) dengan mengucapkan kata - kata "*Iti pi so Bhagava Araham*" yang bererti "Demikianlah Bhagava, Yang Maha Suci, Yang Telah Mencapai Pencerahan Sempurna" . Semasa penganut agama Buddha ingin memperkenalkan Buddha kepada

kawan - kawan mereka yang bukan pengikut ajaran Buddha, mereka lazimnya mengucapkan kata-kata pujian itu dan kemudian, rakan-rakannya akan mengenali siapakah Buddha. Ramai orang yang telah mendengar kata - kata pujian itu telah mendekati Buddha untuk mendengar ajaranNya, seterusnya menjadi pengikut setia *Tiratana*.

KEBERKESANAN FORMULA INI

'*Iti pi so Bhagava Arahan*

' bukanlah formula yang baru disusun. Ia telah diwarisi secara lisan sejak beberapa generasi yang lalu, lebih kurang 2533 tahun selepas *Parinibbana Buddha*. Ia telah dimasukkan di dalam beberapa *Paritta Sutta*, iaitu doa suci untuk perlindungan. Keberkesanannya masih wujud sehingga kini ini. Sekiranya anda melafazkan formula ini dengan penuh keyakinan dan memahami maknanya, banyak kebaikan akan diperolehi. Sebagai contoh, sekiranya anda melafazkan '*Iti pi so Bhagava Arahan*' sebelum tidur, anda akan tidur dengan nyenyak dan bebas daripada mimpi - mimpi yang mengerikan. Di mana saja berada, anda akan dihindari daripada menghadapi penyakit ringan seperti sakit kepala, dengan melafazkan formula ini beberapa kali - anda boleh melafazkannya sebanyak 108 kali. Roh jahat yang membawa kesusahan akan menjauhkan diri daripada anda apabila anda melafazkan formula ini.

BEBERAPA KEJADIAN

Pada suatu masa dahulu terdapat seorang lelaki yang tinggal di sebuah kampung dekat sebuah hutan tebal di SRI LANKA. Dia selalu pergi ke hutan untuk mencari kayu api dan buah – buahan. Pada suatu hari, semasa dia berjalan di sebatang lorong di dalam hutan, dia terserempak dengan seekor gajah. Dia tidak berpeluang melarikan diri daripada gajah yang juga takut pada lelaki itu lalu melingkari lelaki itu dengan belalai dan ingin menghempapnya ke tanah. Lelaki itu terlalu takut. Dengan segera dia melafazkan '*Iti pi so Bhagava Araham Samma Sambuddho*'. Suatu keajaiban telah berlaku! Apabila gajah itu mendengar perkataan 'Buddha', ia melepaskan lelaki itu tanpa mencederakannya lalu meninggalkan tempat itu. Di semua negara Buddhis yang beraliran Theravada, seluruh umat Buddhis, sama ada mereka yang berpelajaran atau buta huruf dapat melafazkan formula ini.

Saya ingin menceritakan suatu kejadian menarik yang pernah berlaku di Bukit Bendera, (Penang Hill) Pulau Pinang. Di atas bukit itu terdapat sebuah banglo yang usang. Tidak ada orang yang menghuni kecuali seorang penjaga kerana dikatakan banglo itu didiami oleh roh jahat. Kadang kala, banglo itu disewa oleh sekumpulan orang untuk beberapa hari. Adalah dipercayai sebuah bilik di dalam banglo itu didiami oleh roh jahat. Tidak ada seorang pun yang berani tidur di dalam bilik itu. Pada suatu hari, satu rombongan telah

menyewa banglo itu untuk beberapa hari. Seorang lelaki tua dalam rombongan itu telah diberi bilik tersebut untuk tidur. Dia tidak mengetahui tentang roh jahat itu. Pada tengah malam dia terdengar bunyi bising tetapi tidak menghiraukannya dan terus tidur. Selepas beberapa ketika, dia merasa ada sesuatu menarik tangannya. Dia sangat takut dan gementar sehingga bulu romannya berdiri tegak. Dia teringat formula itu dan terus melafazkan '*Iti pi so Bhagava Arahan*' dengan sepenuh hati. Semua kekacauan yang dialaminya lenyap pada masa itu dan dia terus dapat tidur dengan nyenyak sehingga keesokan hari.



BUDDHANUSSATI BHAVANA (MEDITASI TENTANG KEMULIAN BUDDHA)

*M*editasi tentang Kemuliaan Buddha merupakan salah satu daripada empat puluh jenis meditasi. '*Buddhanussati*' bermaksud mengingati atau merenung tentang kemuliaan Buddha. Ia merupakan salah satu subjek yang sentiasa diamalkan oleh umat Buddhis. Buddha juga menggalakkan pengikutNya untuk bermeditasi bagi tujuan perlindungan diri. Di kebanyakan negara Buddhis, mereka yang

mengamalkan meditasi jenis ini sentiasa melafazkan '*Iti pi so Bhagava* '. Ada di antara mereka menggunakan manik untuk melafazkan formula ini selama 108 kali. Apabila anda melafazkan formula ini, anda mesti memahami maksud istilah-istilah ini dengan sepenuhnya. Melafazkan formula seperti burung kakak tua tanpa memahami maksudnya tidak akan menghasilkan kesan terutama sekali apabila anda tidak menumpukan perhatian anda dengan sepenuhnya.

Objek meditasi ini boleh diamalkan oleh setiap orang, sama ada muda ataupun tua dan tanpa mengambil kira tabiat semulajadi seseorang. Ia juga sangat sesuai untuk orang yang baru belajar meditasi. Sekiranya anda berhajat bermeditasi tentang objek ini, mula – mula cari tempat yang tenang dan sunyi. Letakan imej Buddha, gambar atau simbol – simbol Buddhis yang lain di hadapan anda. Jika anda tidak boleh mendapatkan benda yang disebutkan tadi, anda boleh menggambarkan imej Buddha di dalam batin anda. Kemudian, duduk bersila dan melafazkan "Namo Tassa Bhagavato Arahato Samma Sambuddhassa" tiga kali dengan perlahan – lahan diikuti dengan perlafazan *Tisarana* dan *Panca Sila*. Seterusnya melafazkan "*Iti pi so Bhagava Araham ...*", "*Svakkhato Bhagavata Dhammo ...*", "*Supatipanno Bhagavato ...*", untuk memberi hormat kepada *Tisarana*.

Sekarang anda boleh menumpukan pada objek meditasi, iaitu "*Buddhanussati*" atau penumpuan fikiran tentang ciri-ciri kemuliaan Buddha. Pada waktu itu,

anda harus melihat imej Buddha dengan mata yang separuh tutup dan membayangkan imej Buddha di dalam fikiran. Sekiranya anda mampu, fikirkan bahawa "sekarang saya bersama Buddha". Lafazkan formula ini dan hayati maksud setiap istilah. Ulangi perlafazan itu beberapa kali. Anda harus mengawasi tumpuan fikiran anda supaya tidak terkeluar daripada objek itu. Anda harus berusaha mengurangkan tamak – haloba, kebencian, kejahilan dan ketidak sucian fikiran yang lain. Pada waktu itu, perasaan gembira akan timbul di dalam fikiran anda bagaikan anda sedang bersama dengan Buddha. Jika anda telah mengamalkan objek meditasi ini secara intensif, anda dapat melihat imej Buddha walaupun dengan mata tertutup. Meditasi jenis ini meningkatkan *Saddha*, iaitu keyakinan pada Buddha dan memberikan perlindungan daripada perasaan takut. Sekiranya anda terus menumpukan fikiran kepada ciri kemuliaan Buddha secara berterusan, anda akan berasa Buddha berada di dalam hati anda. Sekiranya seseorang telah mengamalkan meditasi jenis ini hingga ke peringkat tertentu, dia akan terbebas daripada lima rintangan mental (*Panca Nivarana*) dan pada masa yang sama mencapai Lima Faktor Jhana seperti berikut:

1. Fikiran yang betul (*Vitakka*)
2. Penelitian objek dengan kuat (*Vicara*)
3. Keasyikkan (*Piti*)
4. Perasaan gembira (*Sukha*) dan
5. Batin menghala ke satu tumpuan – yang membawa kepada pencapaian jhana (*Ekaggata*).

APAKAH SEMBILAN CIRI KEMULIAAN YANG DILAFAZKAN INI?

A) ARAHAM (YANG MAHA SUCI)

1. Beliau bebas daripada kejahatan dan menjauhkan diri daripada kejahatan (**ARAKA**).
2. Beliau telah menghapuskan semua gejala tidak sihat (**ARI**), iaitu Keterikatan (**RAGA**), Kebencian (**DOSA**) dan Kejahilan (**MOHA**).
3. Beliau telah menamatkan kitaran kewujudan *Samsara* (*Arahata*), iaitu kitaran hidup dan mati. Pusat roda kitaran itu ialah Kejahilan (**AVIJJA**). Jejari roda kitaran itu ialah *Sankhara*, iaitu elemen – elemen yang berpandu.
4. Beliau patut dihormati; disanjung, dijunjungi dan dimuliakan manusia dan juga para dewa dan Brahma.
5. Beliau tidak melakukan sebarang kejahatan walaupun secara sembunyi. Beliau tidak mempunyai sebarang rahsia. Beliau tidak mempunyai sesuatu yang terlindung daripada pengetahuan orang ramai. Beliau bukan seorang hipokrit; lain yang dicakap, lain yang dibuat. Beliau bukan seperti ketam yang menyuruh anaknya berjalan betul. Beliau tidak mempunyai pekung di dalam dada yang harus disembunyikan daripada pengetahuan umum. 'A' di dalam istilah "Araham" bermaksud Bukan dan '**RAHA**' bermaksud Rahsia; maka "*Araham*" bermaksud bukan perahsia.

B) SAMMA SAMBUDDHA (YANG TELAH MENCAPAI PENCERAHAN SEMPURNA)

SAMMA bermaksud Sepenuhnya, Sempurnanya.
SAM bermaksud Sebenarnya atau Di atas Usaha
Sendiri.

BUDDHA bermaksud Yang Mencapai Pencerahan.

Beliau telah mencapai Pencerahan Sempurna tanpa sebarang bantuan, bimbingan atau panduan daripada sebarang dewa, guru atau sumber luaran. *Samana* (Pertapa) Gotama semasa berusaha dengan gigih selama enam tahun untuk mencapai Pencerahan Sempurna pernah menerima tunjuk ajar daripada guru – guru yang mashyur pada ketika itu. Akan tetapi pengetahuan guru – guru tersebut terhad pada peringkat tertinggi konsentrasi mental sahaja. Melalui tunjuk ajar mereka, Beliau masih tidak dapat mencapai tahap kebuddhaan. Beliau terpaksa mencari kebenaran di atas usaha sendiri.

Pada suatu hari, Beliau mula duduk bermeditasi selama seminggu, Beliau asyik dalam meditasinya dengan tekad yang kuat. Pada penghujung minggu itu, Beliau menemui jalan penyelesaian. Beliau mencapai pencerahan sempurna yang mulia. Beliau memahami keadaan sebenar segala unsur kehidupan. Beliau menjadi Samma Sambuddha dan mencapai pencerahan sempurna.

Berdasarkan hakikat ini, selepas mencapai tahap sempurna Buddha telah mengisytiharkan diriNya sebagai Buddha:

'Saya tidak mempunyai guru,
Manusia yang setaraf dengan saya tidak
wujud.
Tiada yang setanding dengan saya yang
dapat ditemui
Di alam manusia mahupun dewa.'

Merujuk kepada kenyataan ini, Raja Milinda telah menyoal *Bhikkhu Nagasena*:

"*Bhante Nagasena*, Buddha mengatakan 'Saya tidak mempunyai guru', tetapi sebaliknya Beliau juga mengatakan, 'Begitu pun para *Bhikkhu*! Ketika *Alara Kalama* menjadi guru saya dan saya ialah muridnya, dia menganggap saya adalah setaraf dengannya dan sangat menghormati saya."

"Oleh itu jika kenyataan yang pertama adalah benar, maka kenyataan kedua mestilah salah. Sebaliknya jika kenyataan kedua benar, maka kenyataan pertama mestilah salah. Ini adalah dua kenyataan yang bercanggahan dan sekarang saya menyerahkannya kepada anda untuk diselesaikan."

Seterusnya *Bhante Nagasena* menjawab:

"Kedua – dua soalan yang dikemukakan oleh Tuanku tepat. Apabila Buddha menyebut Alara Kalama sebagai gurunya, kenyataan ini membawa maksud *Alara Kalama* ialah gurunya semasa beliau merupakan seorang Bodhisatta dan belum mencapai tahap Kebuddhaan dan kefahaman yang mendalam."

Bhante Nagasena meneruskan penjelasan, "Tidak ada seorang yang lebih tinggi daripada *Tathagata* (Buddha) untuk mengajar Beliau (untuk mencapai Pencerahan Sempurna). *Tathagata* bergantung kepada kearifannya sendiri tanpa bantuan seorang guru."

~ Soalan Raja Milinda
Mukasurat 43

C) VIJJA CARANA SAMPANNO (SEMPURNA PENGETAHUAN SERTA TINDAK – TANDUKNYA)

| | |
|-----------------|---------------------------------|
| VIJJA | - Pengetahuan Sempurna |
| CARANA | - Tindak – tanduknya yang betul |
| SAMPANNO | - Sempurna |

Telah dinyatakan Buddha merupakan yang paling sempurna daripada sudut pandangan pengetahuan dan tingkah laku. Di sini '*Vijja*' bukan bermakna pengetahuan yang biasa tetapi kearifan yang tertinggi (Supra Mundane Wisdom). Ada sesetengah pendapat yang mengenalinya sebagai tiga jenis pengetahuan istimewa, tetapi mengikut pendapat yang lain ia

dikenali sebagai lapan jenis pengetahuan istimewa. Tiga jenis pengetahuan istimewa ini ialah:

1. Pengetahuan mengenai kewujudan lepas – *PUBBE NIVASANUSSATI NANA*
2. Pengetahuan mengenai kematian dan kewujudan semula semua unsur hidup – *CUTUPAPATA NANA*
3. Pengetahuan untuk memusnahkan pengaliran mental (*ASAVA*) – *ASAVAKKHAYA NANA*.

Lapan jenis pengetahuan istimewa yang tersebut tadi adalah seperti berikut:

*'VIPASSANA NANA MANOMA IDDHI
IDDHIPPABHEDO PICADIBBA SOTAM
PARASSA CETO PARIYAYA NANAM
PUBBE NIVASANU GATAN CA NANAM
DIBBANCA CAKKHASAVA
SANKHAYOCA
ETANI NANANI IDHATTHA VIJJA.'*

1. Pengetahuan dan kefahaman mendalam atau pengetahuan celik minda. – *VIPASSANA NANA*.
2. Kuasa luar biasa batin.
Beliau dapat menjelmakan suatu tubuh lain yang seiras dengannya – *MANOMA IDDHI*
3. Kuasa yang luar biasa.
Beliau dapat masuk ke dalam tanah, berjalan di atas air atau menembusi dinding atau gunung. – *IDDHIPPABHEDA*

4. Pendengaran luar biasa.
Sekiranya ingin, Beliau dapat mendengar perbualan dewa – dewi, brahma – brahma atau makhluk – makhluk yang berada jauh atau dekat. - *DIBBA SOTA*
5. Kemampuan membaca fikiran orang lain. - *CETO PARIYAYA NANA*
6. Kebolehan untuk mengingat kembali kewujudan diriNya dan orang lain pada masa lampau iaitu tempat seseorang itu dilahirkan, namanya, rupanya dan lain – lain lagi. – *PUBBENIVASANUSSATI NANA*
7. Penglihatan yang luar biasa.
Dia dapat melihat segala – segalanya di Devaloka (alam dewa) atau Manussaloka (alam manusia). Dia juga dapat melihat benda di belakang tabir, bukit atau dinding. – *DIBBA CAKKHU*
8. Penglihatan celik minda yang wujud daripada penghapusan pengaliran mental (*ASAVA*). – *ASAVAKKHAYA NANA*.

CARANA

Maksud literal *carana* ialah 'tapak kaki' atau 'langkah'. Lima belas langkah ini menunjukkan jalan ke arah kebahagiaan *Nibbana*. Pelengkapan diri dengan pengetahuan (*VIJJA*) boleh membawa kepada pemahaman yang sebenar manakala pelengkapan diri dengan tingkah laku (*CARANA*) boleh menghasilkan belas kasihan. Oleh sebab itu, faktor *VIJJA* dan *CARANA* menggambarkan kearifan (*PANNA*) dan

belas kasihan (*KARUNA*) Buddha. *CARANA* terdiri daripada lima belas tingkah laku seperti yang berikut:

1. Tingkah laku bermoral (*SILA*).
2. Pengawalan deria (*INDRIYA SAMVARA*).
3. Pengetahuan tentang jumlah makanan yang harus dimakan (*BHOJANE MATTANNUTA*).
4. Sentiasa dalam keadaan berjaga (*JAGARIYANU YOGA*).
5. Keyakinan (*SADDHA*)
6. Malu melakukan kejahatan (*HIRI*).
7. Takut celaan (*OTTAPPA*).
8. Banyak mendengar Dhamma (*BAHUSSAUTA*).
9. Bertenaga / berupaya (*PARAKKAMA*).
10. Penuh perhatian (*SATI*).
11. Kearifan atau pemahaman yang sebenar (*MATI*).
12. Penyerapan mental tetap pertama (Tahap *Jhana I*)
13. Penyerapan mental tetap kedua (Tahap *Jhana II*)
14. Penyerapan mental tetap ketiga (Tahap *Jhana III*)
15. Penyerapan mental tetap keempat (*CATTARI JHANANI*)

D) SUGATA

(SEMPURNA MENEMPUH JALAN)

1. Dengan mengikuti jalan yang betul, Buddha telah mencapai tahap kebahagiaan kerohanian. Oleh kerana jalan mulia ini telah disempurnakan, Beliau digelar sebagai '*Sugata*' (Sempurna Menempuh Jalan).

2. Beliau telah tiba di suatu "tahap" istimewa yang selamat di mana tidak ada kelahiran dan kewujudan semula (*NIBBANA*). Oleh itu, beliau digelar '*SUGATA*' (Sempurna Menempuh Jalan).
3. Beliau menuju ke arah yang benar, tanpa terikat lagi kepada kekotoran rohani. Oleh itu, beliau dipanggil '*SUGATA*', 'Yang Terbahagia'.
4. Beliau sentiasa bercakap benar. Pertuturannya sesuai pada tempatnya. Buddha memahami jenis pertuturan yang benar, tepat, berbudi pekerti, baik dan menggembarakan serta disambut baik oleh orang lain. Buddha tahu masa yang sesuai untuk membuat ucapan yang tepat pada waktu dan keadaannya. Oleh itu, beliau digelar '*SUGATA*' atau '*SUGADA*' yang bermaksud 'Penceramah yang Unggul'.

E) LOKA VIDU (PENGENAL SEGENAP ALAM)

LOKA – Alam

VIDU – Pengenal

Buddha yang maha berpengetahuan dan berpengalaman memahami segenap alam. Oleh itu, Beliau digelar '*Loka Vidu*'.

Tubuh ini juga digelar '*Loka*' – alam. Itulah sebab Buddha pernah berkata, "Wahai bhikkhu, saya mengisytiharkan, bahawa permulaan dan penghentian

dunia serta jalan menuju ke penghentian dunia terdapat di dalam tubuh yang sepanjang dua ela ini.”

‘Sama sekali tidak mungkin

Untuk mencapai pengakhiran dunia dengan berjalan, Pengecualiaan daripada kesengsaraan tidak mungkin Sehingga pengakhiran dunia dicapai.’

Terdapat tiga jenis dunia:

1. *SANKHARA LOKA* –
Alam kondisi. Alam kompleks termasuk kualiti mental dan material.
2. *SATTA LOKA* -
Alam unsur – unsur hidup.
3. *OKASA LOKA* -
Alam Lokasi. Alam semesta ini terdiri daripada beribu-ribu sistem dunia yang berbeza.

‘Selagi bulan dan matahari beredar di dalam orbitnya, menerangi dan memancarkan empat arah, melebihi seribu kali keagungan dunia, kuasamu kukuh tidak berubah.’

‘*Satta Loka* – Dunia unsur–unsur hidup dapat dibahagi kepada tiga:

1. *KAMA LOKA* – Alam nafsu (11)
Empat tingkat ketidakebahagiaan:
I. *NIRAYA* – Alam penderitaan

- II. *TIRACCHANA YONI* – Alam haiwan
- III. *PETA YONI* – Alam hantu
- IV. *ASURA YONI* – Alam jin (Sejenis Hantu)

Tujuh tingkat kebahagiaan:

- I. *MANUSSA LOKA* – Alam manusia
- II. *DEVA LOKA* – Alam dewa (6)
- 2. *RUPA LOKA* – Alam rupa (bentuk) (16)
- 3. *ARUPA LOKA* – Alam tanpa rupa (4)

Buddha mengetahui semua aspek dan keadaan semua alam ini. Oleh yang demikian, Beliau ialah '*LOKA VIDU*', iaitu pengenal segenap Alam.

**F) *ANUTTARO PURISA DAMMA SARATHI*
(PEMBIMBING YANG TIADA
TANDINGANNYA)**

- ANUTTARO* - Tiada bandingannya, tiada tandingannya, tiada taranya.
- PURISA* - Individu atau manusia
- DAMMA* - Untuk dididik, untuk di disiplinkan, Untuk dilatih
- SARATHI* - Pemimpin, Pembimbing, guru

Di dalam dunia ini, tidak ada seorang pun yang boleh dibandingkan dengan Buddha. Kemudian, kearifan dan pemahamannya melebihi semua orang. Tidak ada seorang pun yang setanding atau lebih mulia

daripadaNya. Oleh yang demikian, Beliau digelar 'ANUTTARO' – tiada bandingannya.

Beliau mendidik manusia dan juga bukan manusia. Manusia yang telah didisiplin dan dibimbing oleh Buddha ke jalan benar termasuklah Raja yang kejam seperti *Ajasattu*, pemimpin yang memberontak seperti *Devadatta*, pembahas unggul seperti *Saccaka*, pembunuh kejam seperti *Augulimala*, pemfitnah seperti *Cinca*, orang awam seperti *Upali*, Brahmin yang sombong seperti *Kutadanta* serta pertapa yang bertelanjang seperti *Nigantha Natha Putta*.

Antara makhluk bukan manusia, Buddha telah menjinakkan gajah yang ganas seperti *Nalagiri*, raja naga seperti *Nandopananda*, *yakkha* seperti *Alavaka*, Dewa seperti Raja kepada Dewa bernama *Sakka* dan *Asura* seperti *Vepacitti*.

Buddha memancarkan kasih sejati dan belas kasihannya kepada manusia dan juga bukan manusia. Beliau juga menyebarkan Dhamma untuk membebaskan mereka daripada berbagai jenis kekotoran batin supaya sebilangan daripada mereka dapat menerima perlindungan di bawah *Tiratana* (Buddha, Dhamma, Sangha) serta mencapai pelbagai tahap kesucian.

Buddha menggunakan berbagai jenis cara untuk mendidik seseorang. Buddha pernah berkata, "Kadangkala saya mendisiplinkan manusia untuk menjadi baik

dengan cara yang lembut, kadang-kala dengan cara yang kasar dan kadang-kala, saya menggunakan kedua-duanya sekali.”

Maksud lain bagi 'SARATI' ialah 'penggendali'. Sebagaimana penggendali kuda melatih kudanya menuju ke arah yang betul, Buddha yang berbelas kasihan juga melatih individu-individu mengikuti Jalan Yang Mulia untuk mengembangkan tahap spiritual mereka. Oleh sebab itu, Buddha dikenali sebagai 'Pembimbing yang tiada bandingannya'.

G) SATTHA DEVA MANUSSANAM (GURU KEPADA DEWA DAN MANUSIA)

SATTHA – Guru, Pengajar Unggul
DEVA – Para dewa
MANUSSANAM – Kepada Manusia

Buddha telah menyampaikan Dhamma selama empat puluh lima tahun kepada manusia dan juga dewa. Dengan mengamalkan ajaran-ajaran Buddha, khususnya Jalan Mulia Lapan Faktor, ramai yang telah berjaya mencapai matlamat mereka yang tertinggi. Buddha berupaya mengerti tabiat semulajadi dan pemikiran setiap individu. Oleh kerana Beliau berkeupayaan membaca fikiran orang lain, Beliau dapat menyampaikan subjek *Dhamma* yang sesuai dengan tahap pemahaman pendengar-pendengarnya (*Savaka*). Setiap orang di dalam perhimpunan memikirkan bahawa 'subjek ini khas ditujukan kepada

saya'. Oleh sebab itu, setiap kali Beliau menyampaikan Dhamma, ramai orang yang akan memahami Dhamma dengan sepenuhnya dan mencapai tahap kesucian yang berbeza. Maka, Beliau digelar 'SATTHA', iaitu Guru unggul.

DEWA

Ramai orang masih menganggap Dewa lebih mulia daripada Buddha. Mereka berpendapat bahawa Buddha sebagai seorang manusia tidak mungkin lebih mulia daripada Dewa. Pada hakikatnya, untuk menjadi seorang Dewa tidak sukar. Walaupun anda hanya melakukan satu perbuatan yang berfaedah (*Kusala*) seperti Dana (Kebajikan), anda juga boleh menjadi Dewa. Akan tetapi kehidupan Dewa tidak stabil, tidak kekal dan boleh berakhir.

Apabila pahala daripada perbuatan yang berfaedah di hidup yang lampau habis, mereka akan wujud semula di alam yang lebih rendah. Maka Dewa tidak boleh dipanggil sebagai yang tersuci jika dibandingkan dengan Buddha dan Arahant. Dewa tidak dapat menghapuskan berbagai kekotoran batin mereka seperti nafsu (*RAGA*), kebencian (*DOSA*) dan kejahilan (*MOHA*). Kadang-kala Dewa juga bersengketa di antara satu sama lain kerana berebut dewi yang cantik apabila mereka dilahirkan di syurga.

Untuk menjadi Buddha bukannya senang. Kemunculan seorang Buddha di dunia ini ialah perkara yang paling

sukar. Perkara ini jarang berlaku. Untuk mencapai tingkat kebuddhaan, seseorang harus mengamalkan 10 ciri kesempurnaan Buddhasatta (*DASA PARAMITA*) untuk berjuta-juta kelahiran. Buddha telah pun menghapuskan kekotoran batin dan mengalami kebahagiaan *Nibbana*, iaitu kebahagiaan yang tidak terhingga. Oleh itu, Beliau menjadi orang Yang Tersuci di dunia.

Para dewa sentiasa datang memberi penghormatan kepadaNya. Buddha juga membenarkan dewa-dewi menemui pada tengah malam, iaitu dari pukul 10.00 malam hingga 2.00 pagi. Beliau membenarkan mereka menemubual beliau dan menanya sebarang soalan. Di dalam *Samyuttha Nikaya* terdapat banyak sabda yang diberikan oleh Buddha untuk menjawab soalan-soalan para Dewa. Oleh itu, Beliau digelar '*DEVATI DEVA*' – (Dewa kepada dewa-dewa).

Maksud lain bagi perkataan '*SATTHA*' ialah 'ketua kafilah'. Seorang ketua kafilah yang berkebolehan dapat membimbing pengikut-pengikutnya ke tempat yang selamat melalui hutan-hutan yang mungkin didiami oleh penyamun-penyamun dan binatang-binatang buas, dan halangan-halangan yang lain. Dengan cara yang sama, Buddha membimbing berbagai-bagai makhluk mengharungi lautan *Samsara* (kitaran kelahiran dan kematian) untuk mencapai *Nibbana*. Oleh itu, Beliau digelar '*SARATHI*' – ketua kafilah.

H) BUDDHO (YANG TELAH MENCAPAI PENCERAHAN SEMPURNA)

Istilah 'Buddha' merupakan nama biasa bagi mereka yang telah mencapai Pencerahan dengan usaha sendiri. Apabila kita ingin menyebut Yang dihormati, kita selalunya menggunakan istilah 'Buddha'. Sebenarnya, nama yang betul bagi guru kita ialah 'Gotama Buddha' atau 'Sakya Muni Buddha'. Gelaran 'Buddha' bukan diberi oleh ibu bapa, sanak saudara atau gurunya. Beliau digelar 'Buddha' secara automatik apabila mencapai Pencerahan Sempurna semasa bermeditasi di bawah pohon Bodhi di Buddha Gaya. Sebelum mencapai tahap kebuddhaan, beliau digelar '*Bodhisatta*'. iaitu Makhluk Arif atau seorang yang menuju ke arah Pencerahan. Gotama Buddha pernah bertemu dengan dua puluh empat Buddha yang sebelumnya.

Ramai pengulas menjelaskan perkataan 'Buddha' sebagai '*Bujjhita Saccaniti Buddho, Bodheta Pajayati Buddho*', iaitu Yang Dihormati, Penemui dan pakar tentang Empat Kebenaran Mulia. Oleh sebab itu, beliau ialah 'Buddha'. Beliau juga dapat menyedarkan orang tentang kebenaran itu. Oleh itu Beliau dikenali sebagai 'Buddha'. Kebenaran mutlak sentiasa wujud di dalam dunia ini. Ia memerlukan seseorang untuk menemui dan memahaminya. Semasa Pencerahan, Buddha Yang Maha Pengasih menemui kebenaran *Dukkha*,

punca *dukkha*, penamatan *dukkha* dan jalan menuju penamatan *dukkha*.

Buddha bukan sahaja mencapai Pencerahan diriNya tetapi juga dapat membimbing pengikut-pengikutNya ke arah Pencerahan. Oleh itu, beliau digelar 'pembimbing Pencerahan' – (*BUJJHITA*). Buddha bukan sahaja telah menamatkan Samsara, iaitu kitaran kelahiran dan kematian. Beliau juga telah menyedarkan orang lain tentang kejahilan mereka. Dengan demikian, Beliau digelar 'Penyedat' – (*BODHETA*). Beliau juga digelar 'Yang Mengetahui Segala-galanya' (*SABBANNU*) kerana Beliau mengetahui semua perkara sama ada yang telah berlaku, sedang berlaku atau akan berlaku.

I) BHAGAVA (YANG PATUT DIHORMATI)

'*BHAGAVA*' ialah kualiti kemuliaan yang terakhir dalam sembilan kualiti kemuliaan Buddha. Mengikut pengulas-pengulas, '*BHAGAVA*' mempunyai banyak makna. Buddha digelar '*BHAGAVA*' – Yang Patut Dihormati – berdasarkan sebab-sebab berikut:

1. Beliau dihormati dan dipandang oleh semua sebagai yang termulia berdasarkan kualiti dan kemuliaanNya yang istimewa.
2. Beliau telah menghapuskan semua kekotoran batin seperti nafsu (*RAGA*), kebencian (*DOSA*) dan kekeliruan minda (*MOHA*).

3. Beliau telah menamatkan Samsara iaitu kitar kelahiran dan kematian.
4. Beliau telah berjaya mengharungi lautan Samsara.
5. Beliau telah menolak kewujudan (*BHAVA*) atau kelahiran semula.
6. Beliau memiliki pahala dan nilai yang mulia yang dapat menghasilkan kebahagiaan duniawi dan kebahagiaan rohaniah.
7. Beliau mempunyai tubuh badan yang sempurna dengan tanda-tanda yang baik hasil daripada amalan-amalan yang sempurna pada kewujudan yang silam.
8. Beliau telah didampingi oleh mereka yang miskin dan kaya, berstatus tinggi dan berstatus rendah, raja dan rakyat jelata yang mulia dan jahat, pertapa dan bukan pertapa untuk mendapatkan nasihat tentang cara-cara menuju kearah kebahagiaan material dan rohani.
9. Beliau mempunyai kemasyhuran dan keagungan mulia yang telah tersebar luas ke tiga alam (Alam nafsu indera, alam rupa dan alam tanpa rupa).
10. Beliau mempunyai watak semulajadi yang mampu menggembirakan orang yang melihatnya.



TIGA PULUH DUA TANDA PADA SEORANG BUDDHA

Buddha memiliki tiga puluh dua ciri-ciri istimewa pada tubuhnya. Tanda-tanda istimewa itu terdapat di tubuhnya akibat daripada berbagai-bagai perbuatan berpahala dan sepuluh kesempurnaan yang telah diamalkan olehnya di dalam Samsara (kitaran kelahiran dan kematian) untuk beberapa Kalpa (beribu-ribu tahun). Buddha mempunyai personaliti istimewa yang tidak dimiliki oleh Guru-guru agama lain di dunia. Beliau memancarkan 6 jenis warna daripada tubuhnya semasa Beliau menjalankan meditasi *Kasina*. Beliau boleh menjelma di tempat yang jauh jika perlu. Kadang kala beliau menghantar rupa imej Beliau untuk menyampaikan *Dhamma* kepada orang ramai.

Malahan semasa kanak-kanak lagi, beberapa tanda pada tubuh putera *Siddhattha* sudah jelas kelihatan. Pada hari kelima selepas kelahirannya, upacara memberi nama telah diadakan. 108 orang Brahmin telah dijemput untuk menghadiri majlis tersebut. Brahmin yang paling muda dalam kumpulan itu telah menegakkan satu jari tetapi beberapa Brahmin lain menegakkan dua jari. Mereka mengatakan putera

Siddhattha akan menjadi seorang Buddha atau maharaja agung sebuah empayar yang besar. Tetapi *Kondanna* yang termuda diantara mereka telah melihat tanda-tanda istimewa pada putera *Siddhattha* dan meramalkan Beliau pasti menjadi seorang Buddha.

Personaliti Buddha sangat mulia. Setiap hari, ramai manusia dari tempat yang jauh datang menemuinya. Mereka yang pernah melihatNya ingin melihatNya lagi. Mereka tidak akan puas selagi melihatNya. Ramai manusia yang melihatNya berasa sangat gembira. Terdapat mereka yang dilahirkan di alam syurga (*Devaloka*) berkesempatan melihat dan mendengar Beliau menyampaikan Dhamma dan ini merupakan peluang dan kesempatan yang paling bertuah.

TAPAK KAKI BUDDHA

Suatu masa dahulu, seorang Brahmin yang bernama *Magandiya* ingin memilih seorang jejaka yang kakak untuk dikahwinkan dengan anak perempuannya yang jelita. Ramai orang yang layak seperti ahli keluarga diraja, anak jutawan dan mereka yang berpendidikan tinggi telah ditemubual oleh gadis itu tetapi tidak ada seorang pun yang dipilih. Dia mendapati setiap orang yang ditemubual itu mempunyai satu atau beberapa kelemahan. Dia mencaci mereka dan menghalau mereka dengan cara yang kurang bersopan.

Pada suatu hari, Brahmin itu menjumpai seorang lelaki (yang sebenarnya Buddha) yang kakak semasa dia

keluar. Pada masa itu juga dia berpendapat bahawa lelaki itu sesuai dengan anak perempuannya yang cantik itu. Dia pun memberitahu Buddha, "Sila tunggu di sini sebentar, saya mempunyai seorang anak gadis yang cantik yang sesuai dikahwinkan dengan anda." Brahmin itu kembali ke rumahnya dengan segera. Dia menyuruh isterinya memakaikan anak gadisnya dengan baju yang cantik dan menyolekkannya. Apabila mereka keluar, mereka mendapati lelaki itu tiada di situ tetapi hanya bekas tapak kakinya sahaja dijumpai.

Semasa Brahmin itu mencari lelaki tersebut, isterinya meneliti bekas tapak kaki tersebut. Isterinya pakar membaca tanda-tanda pada tubuh. Dia menjelaskan bahawa orang itu telah menghapuskan segala hawa nafsu dan tidak akan suka pada gadis mereka. Selepas beberapa minit, Buddha menonjolkan dirinya semula. Brahmin itu ingin menyerahkan anak gadisnya kepada Buddha. Buddha memberitahu mereka, "Saya tidak mempunyai nafsu indera apabila melihat tiga orang anak gadis Mara yang dikatakan tercantik di dunia. Saya juga tidak mempunyai keinginan pun untuk menyentuh anak gadis anda". Kemudian, Buddha menyampaikan Dhamma kepada semua orang yang berkumpul di sana. Ramai daripada mereka diberkati tiga perlindungan (*Tisarana*) termasuk Brahmin dan isterinya.

Mengikut *Maha Padana Sutta* di dalam *Digha Nikaya* (kumpulan sutta yang panjang), 32 ciri-ciri luaran Buddha adalah seperti berikut:

1. Tapak kakiNya yang rata – *Suppatitthita Pado*
2. Tanda roda kehidupan di tapak kakinya – *Hetthima pada talesu cakkani*
3. Tapak kakiNya panjang – *Ayata panhi*
4. JariNya yang panjang – *Digha Anguli*
5. Tangan dan kakiNya lembut dan halus – *Mudu taluna hattha-pado*
6. Jari tangan and kakiNya yang sama panjang – *Jala hattha pado*
7. Pergelangan kakiNya yang menunjukkan tanda kebesaran – *Ussankha pado*
8. Pipinya seperti kijang – *Eni Jangho*
9. Beliau dapat menyentuh lutut dengan tanganNya tanpa membengkokkan diri – *Thitako, ubhohi panitalehi jannukani parimajjati*
10. KemaluanNya terlindung di dalam selaput – *Kosohita vattha guyho*
11. KulitNya berwarna keemasan – *Suvanna vanno*
12. KulitNya licin – *Sukkmacchavi*
13. Terdapat sehelai rambut di setiap liang romaNya – *Ekeka lomo*
14. Setiap helai rambut pada badanNya bergulung ke atas – *Uddhagga lomo*
15. TubuhNya lurus seperti tubuh Brahma – *Brahmuju gatto*
16. Tujuh kawasan pada badanNya iaitu dua permukaan kulit tangan, dua tapak kaki, dua bahu dan bahagian atas kepala mempunyai kulit yang sempurna dan berbentuk bulat – *Sattussado*
17. DadaNya seperti dada singa – *Siha pubbaddha kayo*

18. Bahagian belakang di antara dua bahuNya berdaging dan rata – *Citantaranso*
19. TinggiNya sama dengan dua tangan yang telah dijalurkankan – *Nigrodha parimandalo*
20. LeherNya yang bulat rata – *Sama vattakkhandho*
21. Deria rasaNya yang sensitif – *Rasagga saggi*
22. Dagunya seperti dagu singa – *Siha hanu*
23. Beliau mempunyai empat puluh batang gigi – *Cattalisa danto*
24. Semua gigiNya tersusun rata – *Sama danto*
25. Tidak mempunyai lubang atau celah antara gigiNya – *Avivara danto*
26. GigiNya putih dan bersih – *Susukkha danto*
27. Lidahnya besar dan lembut – *Pahuta jivho*
28. Suaranya merdu seperti burung terkukur – *Brahmassaro karavikabhani*
29. Matanya biru – *Abhinila netto*
30. Bulu matanya seperti bulu mata lembu betina yang belum beranak – *Go pakhumo*
31. Bulu mata bahagian tengah lentik dan putih warnanya – *Unna bhamukantare jato*
32. Satu bonjol pada bahagian atas kepalaNya – *Unhisa siso*

Saya telah menjelaskan dengan teliti ciri-ciri kemuliaan Buddha mengikut ulasan-ulasan yang terdapat di dalam bahasa Pali. Saya dengan ikhlasnya meminta anda membaca buku ini beberapa kali dan menganalisisnya secara keseluruhan.

Fahamilah maksudnya apabila anda memberi penghormatan kepada Buddha supaya pengetahuan anda tentang Buddha akan bertambah dan keyakinan (*Saddha*) anda meningkat. Sekiranya anda bermeditasi atas subjek '*Buddhanussati*', iaitu renungan tentang Buddha, anda akan mendapat ketenangan, kebahagiaan, kesejahteraan, penumpuan fikiran dan kesihatan yang terjamin. Saya berharap kita akan mencapai tahap kebebasan yang tertinggi yang telah ditunjukkan kepada kita oleh Buddha.

SERVICES AVAILABLE AT BUDDHIST MAHA VIHARA

- Dana for Monks (at Vihara or Home) and Bana (Sermons)
- Blessing Services / Funeral Services by Monks
- Booking of Facilities for religious functions / events
- Marriage Registration
- Full Moon / New Moon Day Puja & Free Vegetarian Lunch
- Sunday Dhamma Classes for Children & Adults
- Buddhist & Pali University Diploma Courses
- K Sri Dhammananda Library
- Bookshop
- Kindergarten - Tadika Sudharma
- PARAMA Business & I.T. Training Centre

WEEKLY ACTIVITIES

- | | | |
|--|-------------------|----------------------|
| • Daily Puja | | 6.30a.m. & 7.30p.m. |
| • Choir Practice | Tuesday | 8.00p.m. |
| • Special Talk | Friday | 1.00p.m. |
| • Dhamma Talk | Friday | 8.00p.m. |
| • Meditation | Mon, Tues & Thurs | 8.00p.m. |
| • Bojjhanga Puja | Saturday | 7.30p.m. - 8.30p.m. |
| • Puja & Talk | Sunday | 8.30a.m. |
| • Dhamma School | Sunday | 8.30a.m. & 11.00a.m. |
| • Dharma for the Deaf (fortnightly) | Sunday | 2.00p.m. |
| • Feeding the Needy | Sunday | 5.00p.m. |

DONATION IN CASH OR KIND CAN BE MADE FOR:

- Propagation of Buddhism (Dhammaduta)
- Free Publications (Malaysia and Overseas) - Annually about 300,000 books in 20 Languages
- Education Fund
- Full Moon and New Moon services sponsorship
- General Maintenance of the Buddhist Maha Vihara
- Utilities (Electricity, water, telephone, administration etc)
- Illumination (lighting) of the Main Shrine Hall
- Illumination (lighting) of the Awkana Buddha & Cakra
- Monks' Dana
- Monks' Requisites
- Welfare Fund (Malaysia and Overseas)
- Special Religious Events
 - Wesak
 - Annual Blessing Service
 - Annual Merit Offering
 - Kathina Pinkama (ceremony)
 - Monks' Novitiate Programme

**MAY THE BLESSINGS OF THE NOBLE TRIPLE GEM
BE WITH YOU AND YOUR FAMILY**

DONATION FORM

Buddhist Maha Vihara

123, Jalan Berhala, Brickfields,

50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia.

Tel: 603-2274 1141 Fax: 603-2273 2570

I / We would like to make a donation to the Buddhist Maha Vihara.

Name :

Address :

.....

.....

Amount : RM

Towards : Free Publications

(English, Mandarin, Malay, Tamil, Sinhalese, Spanish,
Thai, Vietnamese, Burmese, Hindi, Kannada, Telegu,
Oriya, Kishwahili, Chichewa, Luganda, Brazilian
Portugese, Dutch, French & Nepalese)

Others, please specify

.....

All cheques can be made payable to: BUDDHIST MAHA VIHARA or TT to "BUDDHIST MAHA VIHARA" ACCOUNT NO. 0061-10-003018-0, EON BANK BERHAD, BRICKFIELDS, KL. Kindly send us a copy of your BANK SLIP so that we can send you an OFFICIAL RECEIPT.

Donations can also be made by VISA and MasterCard at the Buddhist Maha Vihara Office.



Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society

佛陀教义弘扬协会

Buddhist Maha Vihara,

123, Jalan Berhala, Brickfields,

50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570

E-Mail: info@buddhistmahavihara.com

Website: www.buddhistmahavihara.com

www.ksridhammananda.com